

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 10 TAHUN 2021

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING,
(MESYUARAT SECARA ATAS TALIAN)

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | YBhg. Dato' Amirul Azizan bin
Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i>
(Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i>
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mohd Safiee bin Harun | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 7. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 12. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 13. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Yong Keh Chyn | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Abu Bakar bin Mohamad | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Naharanuar bin Ayob | - | Ahli Majlis |

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 17. | Puan Rogayah binti Ibrahim | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Norazmi bin Mohamed Tahir | - | Ahli Majlis |
| 19. | Encik Lim Lip Suan | - | Ahli Majlis |
| 20. | YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, <i>D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.-</i> | - | Ahli Majlis |
| 21. | Encik Tan Wee King | - | Ahli Majlis |
| 22. | Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Abd Razak bin Ramli | - | Ahli Majlis |
| 26. | TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.-</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|--|
| 1. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 2. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 3. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Korporat dan Pembangunan
Masyarakat |
| 4. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 5. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 6. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan Khidmat
Pengurusan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 8. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 9. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran |
| 10. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan Penguatkuasaan |
| 11. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 12. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 13. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, <i>P.P.T.</i> - | - | Ketua Unit Perundangan /Ketua Unit Perolehan |
| 14. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |
| 15. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra |
| 16. | Puan Sopiiah binti Bakar | - | Wakil Ketua Unit Pusat Setempat |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|-----------|
| 1. | Yang Berhormat Tuan Lau Weng San
ADUN Banting | - | Pemerhati |
|----|--|---|-----------|

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Kamarulzaman bin Ahmad, Pengarah Jabatan Perbendaharaan.	Makluman
2.0	UPACARA PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT OLEH TPr HAJI ARPAAL BIN HAJI SANAT, SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT	
	TPr Haji Arpaal bin Haji Sanat telah menyempurnakan perakuan menerima jawatan sebagai Timbalan Yang Dipertua MPKL dan seterusnya menandatangani Borang A, Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai TYDP, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akujanji Integriti yang telah dibekalkan.	Makluman
3.0	UCAPAN TIMBALAN YANG DIPERTUA	
	3.1 Beliau memberi salam dan selamat petang kepada YAD Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini.	Makluman
	3.2 Beliau memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dapat hadir dan mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang Dipertua MPKL. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada YBhg. Dato' YDP kerana telah mencadangkan nama beliau sebagai Setiausaha MPKL kepada pihak Kerajaan Negeri dan seterusnya Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri bilangan 35 dan 36 bertarikh 20 dan 27 Oktober 2021 telah bersetuju melantik beliau sebagai Setiausaha MPKL bagi tempoh setahun mulai 1 November 2021.	Makluman

	3.3	Ini merupakan satu penghargaan yang amat besar kepada beliau sepanjang berkhidmat selama 36 tahun di MPKL dan sedang meniti penghujung karier.	Makluman
	3.4	Pelantikan beliau sebagai Setiausaha di kalangan pegawai-pegawai merupakan sejarah pertama di MPKL. Beliau berharap ia dapat dijadikan ' <i>benchmark</i> ' kepada Ketua-Ketua Jabatan lain untuk mengisi jawatan ini pada masa akan datang.	Makluman
	3.5	Keprihatinan YBhg. Dato' YDP dalam menjaga kebajikan pegawai dan kakitangan terserlah dengan pelantikan ini. Selain daripada itu, YBhg. Dato YDP juga telah meluluskan elaun ' <i>Non-Pensionable Allowance</i> ' kepada pegawai-pegawai yang layak mulai 1 Januari 2022. Diharap dengan pemberian elaun ini, ia dapat dijadikan pembakar semangat untuk bekerja lebih tekun dalam melaksanakan tugas harian.	Makluman
	3.6	Beliau memaklumkan pelantikan sebagai Setiausaha dan Timbalan YDP merupakan tanggungjawab yang amat besar di mana sebelum ini, beliau hanya menjaga satu jabatan yang mempunyai seramai 24 orang kakitangan sahaja. Beliau mengharapkan sokongan yang berterusan daripada semua pihak dan seterusnya mencapai visi MPKL iaitu Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari.	Makluman
	3.7	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada kakitangan di Jabatan Perancangan Pembangunan yang telah membantu beliau dalam menyelesaikan tugas harian sebelum ini dan akan menjalankan tugas mengikut kemampuan dan kebolehan serta mengamalkan sikap keterbukaan dalam bekerja.	Makluman

4.0	UCAPAN Pengerusi		
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut:		
	4.1	Beliau telah menghadiri Program Integriti SPRM bersama Kerajaan Negeri pada pagi tadi, 22 November 2021. Turut terlibat ialah Pengarah JKP dan Penolong Pegawai Tadbir JKP.	Makluman
	4.2	Sebagai makluman, pihak Majlis telah bersetuju untuk melantik Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, Pengarah JK sebagai Penolong Setiausaha MPKL.	Makluman
5.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	5.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 OKTOBER 2021	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Tan Wee King dan disokong oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid tanpa sebarang pindaan.	Makluman
6.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	6.1	- TIADA -	Makluman

7.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	7.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 NOVEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	7.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN 12 NOVEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	7.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 NOVEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 4.2 (m.s.5)</u> Cik Ang Lee Yong mencadangkan pihak JKPM mengaturkan satu sesi penerangan berkenaan penggunaan peruntukan MPP. <i>Pihak jabatan akan mengaturkan satu mesyuarat berkenaan perkara ini.</i>	Makluman

	ii.	<p><u>Perkara 4.3 (m.s.7)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin memohon penambahan peruntukan untuk Jawatankuasa Kecil Ekonomi, Sosial, Wanita dan Keselamatan (LA21).</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan beliau ingin melihat keaktifan jawatankuasa ini dahulu. Jika ia berjalan lancar dan bermanfaat, peruntukan akan ditambah pada tahun 2023.</i></p> <p><i>Tuan Setiausaha meminta perkara ini turut dibentangkan semasa sesi penerangan berkenaan penggunaan peruntukan MPP.</i></p>	Makluman
	7.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 NOVEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	7.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 NOVEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	7.6	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 NOVEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman

	7.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 10 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 NOVEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
8.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	8.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 19 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 OKTOBER 2021	
	8.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	8.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 20 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 OKTOBER 2021	
	8.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
9.0		PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN	
	9.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u></p> <p>PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN BILANGAN 9/2021</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Justifikasi Permohonan</u></p> <p>i. Tujuan pembelian kabin-kabin ini adalah bagi menggantikan 2 kabin yang lama dan tambahan</p>	JP

2 kabin baru untuk menampung penyimpanan lebih kurang 120,000 buah fail pegangan MPKL. Anggaran kos bagi pembelian dan pemasangan 4 buah kabin baru bersaiz 10" x 40" ini adalah sebanyak RM237,000. Berikut adalah anggaran kos bagi cadangan pembelian tersebut:

<i>Bil</i>	<i>Perkara</i>	<i>Anggaran kos (RM)</i>
1.	4 buah kabin baru	160,000
2.	Kos Tapak (2 tapak) Kos Lupus Kabin Lama (2 kabin)	23,000
3.	Kos Buruh untuk buka/pasang kabinet dan susun fail (5 orang x 10 hari)	6,000
4.	Kos pembelian 2 tangga kabin atas, 16 <i>awning</i> tingkap dan 6 <i>awning</i> pintu	20,000
5.	Penghawa dingin dan <i>exhaust fan</i>	28,000
	Jumlah anggaran kos	237,000

- ii. Jabatan memperuntukkan sebanyak RM47,000 bagi tujuan pembelian kabin baru pada tahun 2021 melalui kod B27201 (Bekalan Am). Walaubagaimanapun, bagi menampung kos 4 buah kabin ini jabatan terpaksa menambah lagi jumlah bajet bagi menampung pembelian kabin ini sebanyak RM190,000 dan bersetuju untuk memindahkan jumlah tersebut daripada kod vot B29104 (Perkhidmatan Penilaian).
- iii. Untuk makluman ahli mesyuarat, merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PS1.1 Lampiran B), pembelian kabin adalah termasuk di bawah kategori aset iaitu kod perbelanjaan Bangunan dan Pembaikan

iv. Bangunan (A32000).
 Bagi mengikuti prosedur perakaunan yang betul, kod-kod pindah peruntukan perlu dilakukan bagi kepala kod yang berbeza. Pindahan kepala kod yang berbeza perlu mendapat kelulusan mesyuarat sebelum dipindahkan. Kod vot yang perlu dipindah masuk adalah seperti berikut:

Kod Objek Sebagai	Butiran	Jab	Peruntukan Asal (RM)	Baki peruntukan pada 16/11/2021 (RM)	Viremen (+) RM	Baki Selepas Viremen RM
A32104	Bangunan Penyetoran - Kabin Fail	03	0	0	237,000	237,000
	Jumlah				237,000	

Manakala kod objek yang dipindahkan keluar iaitu :

Kod Objek Sebagai	Butiran	Jab	Peruntukan Asal (RM)	Baki Peruntukan Pada 16/11/2021 (RM)	Viremen (-) RM	Baki Selepas Viremen RM
B27201	Bekalan Am	03	146,810	120,972	47,000	73,972
B29104	Perkhidmatan Penilaian	03	300,000	196,727	190,000	6,727
	Jumlah				237,000	

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** kertas mesyuarat ini.

10.0	UCAPAN PENANGGUHAN	
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan,	
	i. Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.	Makluman
	ii. Beliau mengucapkan tahniah kepada TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat dan Encik Zulkefli bin Mohamed Arif atas pelantikan sebagai Timbalan Yang Dipertua dan Penolong Setiausaha MPKL.	Makluman

	iii.	Beliau melahirkan rasa kesyukuran kerana dapat bersama-sama bermesyuarat pada petang ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Parti Keadilan Rakyat dan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor kerana melantik dan mempercayai beliau memegang jawatan sebagai Ahli Majlis MPKL sesi 2021-2022.	Makluman
	iv.	Beliau telah diamanahkan oleh MPKL menjadi Pengerusi MPP zon 17 kawasan Pulau Carey. Sepanjang berkhidmat hampir 11 bulan, tiada sebarang masalah timbul di kawasan tersebut kerana ia 100% meliputi kawasan kampung dan ladang kelapa sawit. Oleh itu, segala bantuan di Zon 17 dapat disalurkan dengan baik dan teratur melalui Tok Batin, Ketua Kampung dan Wakil Penduduk. Selain itu, zon tersebut tiada masalah sampah haram dan masalah infrastruktur.	Makluman
	v.	MPP Zon 17 akan dibangunkan dengan projek 'Sea Port' dan ERCL tidak lama lagi. Projek ini akan membuka peluang pekerjaan kepada warga Kuala Langat khususnya penduduk di kawasan Pulau Carey.	Makluman
	vi.	Beliau sebagai Ahli Majlis turut mencadangkan gerai dan kedai MPKL yang disewakan kepada peniaga setempat dapat dibuat pemantauan bagi memastikan operasi perniagaan dijalankan sendiri oleh penyewa dan tidak timbul isu 'ali baba'.	Makluman
	vii.	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Dato YDP dan Ketua-Ketua Jabatan yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada beliau dalam menjayakan program MPP. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Kawasan MPP Zon 17 yang sentiasa turun padang ketika program berlangsung.	Makluman

11.0	UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
	<p>Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan atas ucapan penangguhan pada hari ini dan pihak Majlis akan mengambil perhatian atas pandangan dan cadangan yang disampaikan. Beliau juga mengharapkan kerjasama daripada semua pihak supaya MPKL dapat berdiri teguh dengan cabaran-cabaran yang mendatang. Seterusnya, beliau menanggungkan mesyuarat pada hari ini.</p>	Makluman

Mesyuarat ditanggungkan pada jam 3.20 petang.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 24 November 2021

Disemak oleh :



 (TPr HAJI ARPAALI BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)
 Setiausaha,
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :



 (DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh En. Nahar Anuar bin Ayob
dan disokong oleh Enuk Tan Wee King tanpa pindaan.

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mpkl 10/2021